

PPAPP guna teknologi terkini patuhi SOP

PERMATANG PAUH: Prihatin dengan perkembangan semasa pandemik Covid-19 yang masih membimbangkan, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) mengambil inisiatif memperkenalkan kaedah pematuhan prosedur operasi standard (SOP) menggunakan teknologi terkini.

Pengarahnya, Sharimah Salleh berkata, inisiatif tersebut diambil bertujuan memastikan tahap kebersihan serta kesihatan awam terutama pengunjung perpustakaan itu berada pada kedudukan paling optimum.

Untuk itu katanya, PPAPP membangunkan lima mesin lego robotik yang dikenali 'Mesin Sanitasi Tangan Pintar' menggunakan sensor ultrasonik yang mengeluarkan cecair sanitasi secara automatik apabila imbasan tapak tangan dilakukan di bahagian atas mesin.

"Mesin-mesin ini terhasil daripada Bengkel Robotik yang kita tawarkan sejak 2017 kepada generasi muda yang berminat untuk mempelajari dengan lebih dekat cara pembikinan robot dengan menggunakan kit lego robotik.

"Proses pembuatan juga mudah iaitu hanya membabitkan asas fizik dan kejuruteraan bagi menguji kecekapan para pelajar terlibat," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelas Sharimah, mesin yang dapat mengurangkan kadar sentuhan fizikal yang sekali



SHARIMAH SALLEH

gus membantu ke arah penjarakan fizikal itu kini diletakkan di beberapa lokasi strategik seperti di pintu masuk dan tingkat atas perpustakaan tersebut.

Sharimah memberitahu, selain Mesin Sanitasi Pintar, PPAPP juga menggunakan teknologi 'Pengesanan Suhu Badan Menggunakan Teknologi Pengimejan Termal Infra Merah' di pintu masuk perpustakaan ketika ini.

"Beberapa jabatan kerajaan sebenarnya telah mula menggunakan kaedah pintar ini. Namun bagi kategori perpustakaan di Pulau Pinang khususnya, PPAPP di Seberang Jaya ini adalah perpustakaan pertama yang memperkenalkan teknologi ini untuk mengesan suhu pengunjung ke sini," ujarnya.